

# Kerajaan komited hasilkan vaksin sendiri

Oleh [Fahmy A Rosli](#) - November 1, 2021 @ 10:51am

[fahmy.azril@bh.com.my](mailto:fahmy.azril@bh.com.my)



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob

KUALA LUMPUR: Kerajaan komited untuk meningkatkan keupayaan dalam sektor kesihatan khususnya bagi penghasilan vaksin, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, ia bagi memastikan negara sentiasa bersiap siaga untuk berhadapan dengan pandemik pada masa akan datang.

"Sejak Mac tahun lalu, Keluarga Malaysia diuji dengan pandemik COVID-19 dan kita mengharungi bersama tempoh getir itu sebagai sebuah keluarga dengan saling bantu-membantu antara satu sama lain.

"Apabila Malaysia memperkukuhkan sekuriti kesihatan negara, ini membolehkan kita mengurangkan kebergantungan terhadap negara pengeluar vaksin," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara serta Institut Genom dan Vaksin Malaysia, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba; Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.